

28 NOV 1997

Fauzi-Paralimpik

PARALIMPIK: SABAH TARIK DIRI SEBAGAI TUAN RUMAH

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Sabah menarik diri sebagai tuan rumah kejohanan sukan orang cacat, Paralimpik kebangsaan pertama tahun depan atas alasan tidak mampu untuk menganjurkannya, kata Presiden Majlis Paralimpik Malaysia Datuk Fauzi Abdul Rahman hari ini.

Beliau berkata kerajaan negeri Sabah menghubungi majlis itu semalam untuk memaklumkan perkara itu.

"Usaha terpaksa dijalankan untuk mencari negeri lain yang sanggup menjadi tuan rumah kejohanan dwi-tahunan itu," katanya kepada pemberita selepas menerima resolusi menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh golongan cacat penglihatan di pejabatnya di sini.

Fauzi, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata Selangor atau Wilayah Persekutuan merupakan tempat-tempat alternatif bagi menganjurkan kejohanan itu.

Ekoran itu, katanya kejohanan yang pada lazimnya diadakan pada awal tahun mungkin terpaksa ditunda sehingga pertengahan tahun.

Fauzi berkata Sabah menarik diri mungkin kerana tidak sanggup menyediakan peralatan khas bagi kejohanan itu.

Beliau berkata kejohanan sukan orang cacat memerlukan persediaan yang lebih dua kali ganda berbanding sukan golongan normal terutama daripada segi peralatan sukan yang khusus selain perbelanjaan yang lebih besar daripada segi logistik.

Fauzi berkata majlis itu juga bersetuju untuk menganjurkan sukan orang-orang cacat menerusi skop yang lebih luas termasuk yang melibatkan kanak-kanak sekolah serta mengadakan kejohanan sukan mengikut jenis kecacatan yang tertentu seperti cacat penglihatan, pekak, lumpuh dan kerdil.

Mengenai pencapaian atlik paralimpik Malaysia, Fauzi berkata sehingga kini mereka menyumbang lebih banyak emas daripada atlit normal dalam kejohanan bertaraf dunia seperti Paralimpik di Seoul Korea (1988), Bercelona (1992) dan di Atlanta (1996).

Justeru itu, sehingga kini kerajaan telah membayar insentif berjumlah RM1 juta kepada atlit paralimpik atas dasar RM80,000 bagi setiap butir pingat emas yang dimemangi, sama seperti yang ditawarkan kepada atlit yang menyertai sukan olimpik. -- BERNAMA

AKT NMO